

BAB 6

KESIMPULAN

Dalam era globalisasi yang meruntuhkan sempadan sesebuah negara, agak sukar untuk kita menentukan satu dasar dan polisi ekonomi yang sesuai bagi menghadapi segala risikonya. Krisis kewangan Asia yang berlaku baru-baru ini mendedahkan kepada kita bahawa masih wujud kelemahan dalam sistem ekonomi konvensional atau lebih tepat sistem ekonomi kapitalisme yang diperaktikkan oleh kebanyakan negara dalam menjalankan perekonomiannya.

Krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia baru-baru ini cukup unik. Negara yang berlainan struktur ekonomi dengan pengeluaran yang berbeza, sudah tentu mempunyai faktor penyebab krisis yang berbeza. Sebab itulah tidak ada satu keputusan muktamad tentang punca sebenar krisis di kalangan ahli-ahli ekonomi. Walaubagaimana pun, kebanyakan ahli-ahli ekonomi menggariskan faktor-faktor tertentu seperti kelemahan dalam sektor kewangan negara-negara Asia, spekulasi mata wang oleh spekulator, teori jangkitan, hutang sektor swasta dan prestasi ekonomi rantau Asia yang terlalu tinggi sebagai antara penyebab berlakunya krisis. Krisis yang berlaku telah menyebabkan ketidakupayaan dalam pengurusan ekonomi oleh negara-negara tertentu seperti Indonesia, Thailand dan Korea Selatan. Ini telah mendesak negara tersebut meminta bantuan kewangan dan pengurusan daripada badan-badan tertentu seperti IMF dan Bank Dunia.

Walaubagaimana pun, Malaysia terkecuali dalam mendapatkan bantuan. Ini kerana formula IMF pada peringkat awal krisis iaitu pengetatan dasar kewangan dan fiskal didapati telah gagal mengatasi masalah-masalah yang timbul

akibat krisis. Langkah pada peringkat awal ini telah menyebabkan negara mengalami masalah kekurangan aliran tunai perniagaan, kejatuhan pasaran saham dan kelemahan dalam permintaan luar. Kegagalan langkah ini kerana langkah yang dikemukakan adalah sesuai untuk krisis yang berpunca daripada sektor awam bukan sektor swasta. Fenomena ini telah mendesak kerajaan melonggarkan dasar kewangan dan fiskalnya selepas itu. Selain itu, kelemahan yang wujud dalam sektor kewangan telah memaksa kerajaan menstruktur semula sektor kewangan menerusi penubuhan Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat. Fungsi ketiga-tiga badan ini ialah mengurus NPL yang tinggi dalam sektor perbankan agar berada pada tahap terkawal dan menyusun semula hutang korporat kerana pengurusan korporat berkait secara langsung dengan pengurusan perbankan negara. Penstrukturan semula sektor kewangan akhirnya telah berjaya berdasarkan penurunan NPL kepada 7.9% pada tahun 1998 berbanding 9% pada tahun sebelumnya. Pada Oktober 1999, CDRC juga telah berjaya melaksanakan penyusunan semula 13 permohonan yang melibatkan hutang berjumlah RM11.8 bilion.

Selain itu, kerajaan juga telah berjaya menstabilkan nilai Ringgit yang jatuh teruk akibat aktiviti spekulasi mata wang oleh spekulator yang ingin mengaut keuntungan besar hasil kejatuhan mata wang tersebut. Pelaksanaan kawalan tukaran mata wang terpilih telah berjaya menetapkan Ringgit pada RM3.80=US\$1 pada September 1998. Situasi ini memudahkan urusan perdagangan antarabangsa yang terjejas teruk akibat volatiliti dalam pasaran tukaran asing sebelum ini. Kestabilan Ringgit dan langkah pemulihan pasaran

modal telah berjaya menstabilkan semula pasaran saham Malaysia dengan peningkatan sebanyak 192% pada Ogos 1999 yang sebelum ini ditutup amat rendah pada 1 September 1998. Maka, tindakan kerajaan Malaysia tidak menurut telunjuk IMF adalah satu tindakan yang tepat apabila ekonomi Malaysia kembali pulih dengan peratus pertumbuhan kini mencecah hampir 4% setahun.

Krisis kewangan yang berlaku juga telah membuka peluang kepada perkembangan sistem ekonomi Islam yang sebelum ini dikatakan tidak cekap dalam menguruskan sumber-sumber ekonomi secara efektif. Namun, kelemahan yang wujud dalam sistem ekonomi Kapitalisme telah menyebabkan ahli-ahli ekonomi mula mencari alternatif baru kepada penyelesaian masalah yang timbul. Setakat ini, sistem ekonomi Islam dilihat sebagai alternatif itu memandangkan sebelum pengenalan doktrin kapitalisme, doktrin Islam merupakan sistem yang terbaik dalam pengurusan ekonominya. Sistem ekonomi Islam yang bermatlamat kepada kesejahteraan dan keadilan sosial selain daripada keuntungan perusahaan dipercayai mampu menghalang daripada krisis ekonomi terus berlaku. Malah, dipercayai sistem perbankan Islam, pasaran wang dan modal Islam serta penggunaan Dinar emas antara langkah yang boleh menghalang daripada krisis ekonomi berlaku lagi selepas ini.

Penggunaan Dinar emas berupaya mengurangkan risiko tukaran mata wang asing yang selama ini disandarkan pada Dolar Amerika. Sandaran pada satu mata wang sahaja sebagai mata wang antarabangsa memudahkan aktiviti manipulasi ke atas mata wang sesebuah negara seperti mana yang telah dilakukan

oleh spekulator ke atas mata wang negara-negara Asia termasuk Malaysia baru-baru ini.

Dinar yang disandarkan pada emas mempunyai nilai dalaman dan tidak terdedah kepada hukum permintaan dan penawaran seperti wang fiat. Ini dapat menghalang aktiviti spekulasi ke atas wang Dinar. Atas sebab itulah, penggunaan Dinar dicadangkan sebagai mata wang untuk perdagangan antarabangsa bukan untuk menggantikan mata wang sesebuah negara. Malah, kestabilan Dinar akan memudahkan perdagangan antarabangsa. Selain itu, amalan pasaran wang dan modal secara Islam juga mampu menjadi salah satu jalan untuk mengatasi masalah krisis dengan berkesan memandangkan pasaran ini tidak terdedah kepada ketidaktentuan pasaran yang teruk seperti pasaran wang dan modal konvensional.

Selain itu, jika ditinjau, penyelesaian menurut perspektif Islam lebih bersifat mencegah daripada merawat. Malah, sistem perbankan Islam yang tidak bermotifkan keuntungan semata-mata akan mengurangkan kecenderungan untuk melabur dalam sektor yang berisiko tinggi di samping dapat mengurangkan masalah pinjaman tidak berbayar kerana nilai pinjaman adalah tanpa faedah. Ia berbeza dengan perbankan konvensional yang mengenakan kadar faedah sebagai hasil pulangan kepadanya.

Oleh itu, dapat disimpulkan yang kedua-dua sistem ekonomi iaitu sistem ekonomi Islam dan konvensional masing-masing berkesan dalam mengatasi masalah krisis ekonomi di Malaysia dengan cara masing-masing. Apa yang berbeza, ialah penerapan sistem ekonomi Islam berupaya mencegah daripada berlakunya krisis sedangkan sistem ekonomi konvensional mengemukakan

langkah-langkah selepas sesuatu krisis itu berlaku. Maka, asas penting yang perlu ada pada sesuatu sistem ekonomi ialah sistem nilai yang didokong oleh sistem-sistem ekonomi tersebut. Sistem nilai yang dinamik dan tetap mampu menjadikan sistem ekonomi Islam sebagai sistem ekonomi yang terbaik dan sesuai sepanjang masa.